



**GARISPANDUAN BAGI MENENTUKAN AMAUN SET-OFF
ATAS LEBIHAN AKTUARI (ACTUARIAL SURPLUS) DALAM DANA HAYAT**

A. PENGENALAN

1. Lebihan Aktuari akan dipindahkan dari dana hayat kepada dana pemegang saham. Amaun yang dipindahkan untuk sesuatu tahun ditentukan oleh aktuari berdasarkan kepada garis panduan Bank Negara Malaysia yang mengawal industri insurans.
2. Termasuk dalam Lebihan Aktuari tersebut adalah pendapatan pelaburan dan keuntungan jualan pelaburan daripada dana hayat yang telah dikenakan cukai. Layanan cukai sekarang menyebabkan Lebihan Aktuari yang dipindahkan dikenakan cukai dua kali iaitu pada kadar 8% di dana hayat (sebelum dipindah) dan pada kadar 27% (sebelum tahun taksiran 2008) apabila dipindahkan ke dana pemegang saham.
3. Melalui pengumuman Bajet 2008, suatu *set-off* daripada jumlah cukai yang telah dikenakan ke atas dana pemegang saham diberi sebagai mengatasi penganan cukai dua kali.

B. DEFINISI

Bagi maksud penggunaan garis panduan ini, dana ketidaksertaan (*non-participating fund*) dan dana sertaan (*participating fund*) didefinisikan seperti berikut:

- (i) **'dana ketidaksertaan'** bermaksud suatu dana berkenaan polisi hayat yang tidak memberikan apa-apa hak berkongsi dalam lebihan kumpulan wang insurans hayat. Ianya termasuk anuiti pasti bukan sertaan (*non-participating annuity certain*) dan dana operasi insurans berkaitan pelaburan (*investment-linked operating fund*).

- (ii) 'dana sertain' bermaksud suatu dana berkenaan polisi hayat yang memberikan hak berkongsi dalam lebih kumpulan wang insurans hayat. Ianya termasuk anuiti pasti sertain (*participating annuity certain*).

C. SET-OFF ATAS LEBIHAN AKTUARI

1. Bagi menghapuskan kenaan cukai dua kali, satu peruntukan baru di bawah seksyen 110B, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) diperkenalkan. Dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran di mana amaun Lebihan Aktuari yang dipindahkan dari dana hayat kepada dana pemegang saham berkaitan subseksyen 60(3A) atau 60(4A), amaun cukai yang dikenakan atas pendapatan dalam Lebihan Aktuari tersebut dibenarkan *set-off* daripada cukai yang dikenakan ke atas dana pemegang saham.
2. *Set-off* tersebut hanya terpakai sekiranya terdapat pendapatan yang dikenakan cukai bagi dana pemegang saham. Subseksyen 110B(3) ACP memperuntukkan bahawa *set-off* di bawah seksyen 110B ACP adalah dikira sebelum tolakan kredit seksyen 110 ACP. Sekiranya amaun *set-off* yang hendak diberi melebihi amaun cukai yang dikenakan, baki yang tidak dapat diserap adalah diabaikan. Begitu juga jika tiada cukai pendapatan dikenakan ke atas dana pemegang saham, keseluruhan amaun *set-off* tersebut diabaikan.
3. Agihan Lebihan Aktuari kepada dana pemegang saham dibahagikan kepada bahagian pendapatan dana sertain (*participating fund*) dan dana ketidak sertain (*non-participating fund*). Amaun *set-off* atas bahagian lebihan ini ditentukan berdasarkan formula berikut:

$$\left(A \times \frac{B}{C} \times D \right) + \left(E \times \frac{F}{G} \times H \right)$$

Di mana:

(i) **bagi kes dana ketidaksertaan**

A adalah amaun lebih aktuari yang dipindahkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
[amaun diperolehi daripada akaun beraudit syarikat atau akaun Ketua Pengarah Insurans (DGI account)].

B adalah pendapatan bersih daripada pelaburan dan keuntungan bersih daripada pelaburan yang direalisasikan atau apa-apa hak yang terbit daripadanya dalam tempoh asas itu berkenaan dengan dana hayat;
[amaun diperolehi daripada pengiraan cukai pendapatan]

C adalah jumlah amaun B dan amaun 'lebih yang terbit daripada premium';
[amaun 'lebih yang terbit daripada premium' adalah seperti pengiraan di bahagian D garis panduan ini. Ianya diperolehi daripada akaun beraudit syarikat atau akaun Ketua Pengarah Insurans (DGI account)].

D adalah kadar cukai yang terpakai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian VIII Jadual 1 kepada ACP.

(ii) **bagi kes dana sertain**

E adalah lebih aktuari yang dipindahkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
[amaun diperolehi daripada akaun beraudit syarikat atau akaun Ketua Pengarah Insurans (DGI account)].

F adalah pendapatan bersih daripada pelaburan dan keuntungan bersih daripada pelaburan yang

direalisasikan atau apa-apa hak yang terbit daripadanya berkenaan dengan dana hayat yang menyumbang kepada dana pemegang saham dalam tempoh asas itu;

[amaun diperolehi daripada pengiraan cukai pendapatan dan selepas pengiraan amaun yang menyumbang kepada dana pemegang saham - rujuk *lampiran II*]

G adalah jumlah amaun F dan amaun 'lembah yang terbit daripada premium' berkenaan dengan dana hayat yang menyumbang kepada dana pemegang saham dalam tempoh asas itu;

[amaun 'lembah yang terbit daripada premium' adalah seperti pengiraan di bahagian D garis panduan ini. Ianya diperolehi daripada akaun beraudit syarikat atau akaun Ketua Pengarah Insurans (DGI account)].

H adalah kadar cukai yang terpakai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian VIII Jadual 1 kepada ACP.

4. Maksud B dan F berkaitan dengan formula:

- (i) Bagi dana hayat yang bermastautin, B dan F merupakan jumlah agregat di bawah subperenggan 60(3)(a)(i) dan (ii) dan memberi tolakan di bawah perenggan 60(3)(b) (di mana terpakai); atau
- (ii) Bagi dana hayat yang tidak bermastautin, B dan F merupakan jumlah agregat di bawah subperenggan 60(4)(a)(i) dan (ii) dan memberi tolakan di bawah perenggan 60(4)(b) (di mana terpakai).

D. PENGIRAAN 'LEBIHAN YANG TERBIT DARIPADA PREMIUM' (SURPLUS ARISING FROM PREMIUMS)

1. Bagi memastikan layanan cukai yang konsisten, 'lebihn yang terbit daripada premium' bagi maksud C dan G berkaitan dengan formula tersebut ditentukan seperti format pengiraan di bawah:

	<u>RM</u>
Premium Kasar	XXX
Tolak: Insurans Semula	(XX)
Premium Bersih	XXX
Tolak: Tuntutan / Manfaat Polisi dibayar dan boleh bayar untuk Kematian / Matang / Serah , Bonus Tunai dan sebagainya.	(XX)
	XXX
Tolak / Campur: (Peningkatan)/Pengurangan ¹ dalam Rezab (amaun ditentukan oleh aktuari)	(XX)
Perbelanjaan Agensi dan Komisen	(XX)
Perbelanjaan Pengurusan	(XX)
Lebihn Yang Terbit Daripada Premium (pengiraan amaun C seperti di <i>lampiran II</i>)	YYY

nota¹

Dalam mengira amaun 'lebihn yang terbit daripada premium', amaun (peningkatan)/pengurangan dalam rezab ditentukan oleh aktuari dan boleh diperolehi daripada akaun beraudit atau akaun Ketua Pengarah Insurans (DGI account). Pengiraan 'lebihn yang terbit daripada premium' ini akan disediakan oleh pihak syarikat dan ditunjukkan dalam pengiraan cukai.

2. Pengiraan amaun *set-off* dan lain-lain pengiraan yang berkaitan dengannya berserta dokumen sokongan hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

E. PEMAKAIAN SEKSYEN 110B, ACP 1967

1. Layanan percukaian khusus yang diberikan ke atas agihan Lebih Aktuari berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008 di bawah peruntukan seksyen 110B ACP melalui kaedah berikut:

(i)

$$\left(A \times \frac{B}{C} \times D \right) + \left(E \times \frac{F}{G} \times H \right)$$

(ii)

Maklumat diperolehi bagi:

(Rujuk *lampiran I dan II*)

dana ketidaksertaan	dana sertaan
A = 9,524,045	E = 3,958,800
B = 8,015,880 [3,833,152 + 4,183,240 - 512]	F = 5,321,795 [(46,946,106 + 6,284,700 - 12,856) x 10%] [10% adalah bahagian yang menyumbang kepada dana pemegang saham dan peratusan ini berubah mengikut polisi syarikat]
C = 10,165,315 [8,015,880 + 2,149,435]	G = 5,321,795 [5,321,795 + 0]
D = 8%	H = 8%

$$\begin{aligned} \text{(iii)} \quad & \left(9,524,045 \times \frac{8,015,880}{10,165,315} \times 8\% \right) + \left(3,958,800 \times \frac{5,321,795}{5,321,795} \times 8\% \right) \\ & = 600,816.42 + 316,704.00 \end{aligned}$$

- (iv) Amaun cukai yang boleh ditolak daripada dana pemegang saham di bawah seksyen 110B adalah 917,520.42 (600,816.42 + 316,704.00).
2. Dalam mengira jumlah Cukai Perlu Dibayar bagi dana pemegang saham, potongan seksyen 110B bagi dana ketidaksertaan dan dana sertain dikira sebelum potongan seksyen 110 daripada dividen yang dikenakan cukai (*franked dividend*).

**JABATAN TEKNIKAL
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
05 November 2008**

s.k.: LHDN.01/35/42/(S)/51/344

AB ASSURANCE BERHAD
LIFE FUND REVENUE ACCOUNT
For The Financial Year Ended 30 June 2008

[Extract Of Audited Accounts]

	RM
Gross Premium	143,210,011
Reinsurance	(2,377,131)
Net Premium	140,832,880
Benefit paid and payable :	
Claims :	
Death, maturity, surrender, cash bonus, others	(71,998,480)
	68,834,400
Commissions & Agency expenses	(18,903,767)
Management expenses	(5,539,200)
	44,391,433
Investment Income	50,779,258
Other Income	10,467,940
Surplus from operations before taxation	105,638,631
Taxation	(4,898,618)
Surplus after taxation	100,740,013
Life policyholders' fund at the beginning of the year	23,546,987
	124,287,000
Transfer to Income Statement (to shareholders fund)	(13,482,845)
Life policyholders' fund at the end of the year	110,804,155

AB ASSURANCE BERHAD
YEAR OF ASSESSMENT 2008
[Detailed Breakdown Of Life Revenue Account And
Calculation Of Surplus Arising From Premium]

	Non-Participating Fund [includes Investment Linked Operating Fund] RM	Participating Fund RM	
Premium Income			
Gross Premium	19,019,867	124,190,144	
Reinsurance premium	(863,489)	(1,513,642)	
Investment Income (Note ¹)	B 3,833,152	46,946,106	F
Other Income (Note ¹)	B 4,183,240	6,284,700	F
Total Income	<u>26,172,770</u>	<u>175,907,308</u>	
Less: <u>Commission , agency and management expenses</u>			
Cost incurred in realising investment (tax deduction claimed in the tax computation)			
Investment expense allowed (Note ¹)	B (512)	(12,856)	F
Commission , agency and management expenses (excluding investment expenses allowed)	(2,006,263)	(22,423,336)	
Less: Claims	(7,889,520)	(64,108,960)	
Less / Add : (Increase) / decrease in reserve (Note ²)	(6,111,160)	(45,516,800)	
Less: Tax (investment income - cost incurred in realising investment) x 8%	(641,270)	(4,257,348)	
Total outgoings	<u>(16,648,725)</u>	<u>(136,319,300)</u>	
Profit / Surplus	9,524,045	39,588,008	
Cost of bonus (assume full surplus declaration, ie. 90:10) (Note ³)	-	(35,629,208)	
Transfer to shareholders' fund	A (9,524,045)	(3,958,800)	E
Balance	<u>-</u>	<u>-</u>	
Calculation of surplus arising from premium			
Premium Income	18,156,378	122,676,502	
Less: Commission, agency and management expenses (excluding investment expenses allowed)	(2,006,263)	(22,423,336)	
Less: Claims	(7,889,520)	(64,108,960)	
Less/Add : (Increase) / decrease in reserve	(6,111,160)	(45,516,800)	
Surplus / (deficit)	C <u>2,149,435</u>	<u>(9,372,594)</u>	
For participating fund			
- Policyholders [90% x surplus]	-	(8,435,335)	
- Shareholders [10% x surplus]	-	(937,259)	

Note¹

On the assumption that the above are taxable pursuant to Section 60(3)(a)(i) and (ii) or Section 60(4)(a)(i) and (ii) ; and allowable pursuant to Section 60(3)(b) or Section 60(4)(b).

Note²

The increase/decrease in reserve can be obtained from the notes to audited account under "Life Policyholders' Fund".

Note³

For participating fund, the portion attributable to Shareholder's Fund is assumed to be 10%.